

PROGRAM KUTIPAN LUAR BAGI MENYELESAIKAN TUNGGAKAN SEWA RUMAH PROJEK PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH (PAKR) DI DAERAH JERANTUT

JERANTUT, 14 November 2018 – Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah mengadakan Program Kutipan Luar bagi menyelesaikan tunggakan sewa rumah Projek Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) di Daerah Jerantut bertempat di Dewan Banquet, Majlis Daerah Jerantut.

Program kali ini telah dihadiri seramai hampir 439 orang penyewa rumah di tujuh (7) projek PAKR di Daerah Jerantut dan berjaya mengutip hasil sebanyak RM18,047.80.

Program ini adalah salah satu inisiatif Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang bagi memudahkan penyewa membuat bayaran sewa rumah. Para penyewa juga boleh menyelesaikan masalah tuntutan pengeluaran hakmilik dan isu berkaitan potongan gaji.

